

31/03/2003

Dua kejayaan kita bertaraf antarabangsa

Raja Ahmad Zainuddin

JIKA ada sanjungan dunia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas dua kejayaan besar bertaraf antarabangsa yang berjaya direalisasikan oleh negara dalam tempuh terdekat tahun ini tidak lain dan tidak bukan ialah ucapan tahniah.

Yang membanggakan lagi ialah pada saat Asia Barat turut terasa ancaman serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, perlumbaan Formula Satu, bukan saja berjalan lancar bahkan berjaya menarik seramai 101,485 penonton, satu rekod baru sejak Petronas Grand Prix Malaysia diilhamkan oleh Perdana Menteri kita.

Perdana Menteri sebelum ini tidak putus-putus menerima ucapan tahniah di atas kejayaan Malaysia mengendalikan Persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Februari lalu.

Lebih penting ialah dua acara besar itu berjalan dalam suasana meriah tanpa sebarang kekacauan sama ada semasa berlangsungnya perlumbaan di Litar F1 Sepang ataupun ketika pemimpin dan perwakilan NAM berada di ibu negara.

Rakyat Malaysia turut berbangga kerana negara ini selamat dan tidak ada sebarang keganasan seperti tanggapan Amerika Syarikat justeru Perdana Menteri turut memuji kehadiran ribuan pelancong dari luar terutama Eropah. Semangat menentang serangan ketenteraan ke atas Iraq juga turut dirasakan sepanjang perlumbaan itu.

Bahkan pelancong berkenaan turut berpesta dan tidak ada perasaan takut. Sebaliknya penyokong McLaren Mercedes melonjak kegembiraan menyambut kemenangan Kimi Raikkonen dari Finland tanpa menimbulkan sebarang ketegangan di kalangan peminat Ferrari yang serba merah kerana kekalahan pelumba kesayangan mereka, Michael Schumacher dari Jerman.

Selaku peminat nombor satu, Dr Mahathir turut memeriahkan perlumbaan yang diadakan buat kali kelima walaupun masih bercuti dua bulan dari 6 Mac hingga 4 Mei, kembali ke tanah air dari Brazil untuk merasmikan dan menyampaikan piala kepada pemenang.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama tetamu kenamaan yang lain seperti Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang diiringi oleh pegawai Petronas turut diperkenalkan kepada pelumba sebelum perlumbaan bermula.

Seperti kelaziman sebelum ini, upacara pembukaan turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan yang terdiri gadis jelita pelbagai kaum di hadapan petak permulaan litar sepanjang 5.543km yang dibina dengan kos hampir RM300 juta.

Petronas selaku penaja utama sejak perlumbaan sulung F1 diadakan di negara ini pada tahun 1999, turut memperagakan pasukan sukan bermotornya kepada penonton melalui lintasan satu pusingan yang mana Perdana Menteri sendiri mendahului perarakan kereta klasik yang dinaiki pemandu-pemandu F1 dengan kereta di belakangnya membawa Datuk Seri Abdullah.

Sesungguhnya kejayaan F1 menjadi kebanggaan kita turut mencatat sejarah kerana munculnya juara baru yang berjaya memberi saingan kepada dominasi Ferrari.

Walaupun, Rubens Barrichello dari Brazil berjaya menyelamatkan sedikit maruah Ferrari, tetapi setidaknya pelumba Fernando Alonso dari Sepanyol yang memandu kereta Renault dan rakannya Jarno Trulli dari Itali juga memberi amaran awal untuk merancak lagi saingan di perlumbaan-

perlumbaan akan datang. Renault setakat ini mengumpul 16 mata iaitu sama dengan Ferrari, tetapi 10 mata di belakang pendahulu McLaren dengan 26 mata.

Sementara itu, walaupun perlumbaan berlangsung dalam panas terik dan cuaca yang tidak menentu, tetapi penonton tetap tidak berganjak dari tempat duduk masing-masing. Lebih meriah lagi melihat gelagat mereka hingga selepas tamat perlumbaan. Cuma gelagat segelintir mereka ini yang agak tidak bersopan seharusnya ditegur oleh pihak yang terbabit agar tidak berulang lagi kerana budaya barat tidak sama dengan adat ketimuran yang kita amalkan.

Kejayaan ini juga menurut Perdana Menteri menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancong dan usaha Petronas kini semakin berhasil terutama dengan jumlah pungutan jualan tiket hampir RM44 juta sepanjang tempoh tiga hari.

Bagi jualan cenderamata sama ada t-shirt, jam tangan, cermin mata dan sebagainya oleh pengeluar-pengeluar kereta perlumbaan pula harganya pasti tidak timbul sebarang rungutan kepada para pelancong luar jika kadar tukaran asing dijadikan perbandingan, tetapi mungkin tidak kepada pengunjung tempatan walaupun ia diadakan setahun sekali. Oleh itu diharap janganlah ada yang mengambil kesempatan hinggakan harga nasi goreng berlaukan seketul ayam yang tidak seberapa mencecah angka RM22 dan sebotol kecil air mineral lebih RM4.

Walaupun setahun sekali, tetapi janganlah ada tanggapan F1 seolah-olah bagi kelompok elit dan rakyat yang berada semata-mata dan jika ini berlarutan sudah pasti akan memberi gambaran yang tidak baik pada perlumbaan Petronas Grand Prix 2004 lebih-lebih lagi kita akan menghadapi persaingan baru Asia dengan bermulanya Grand Prix Shanghai dan Bahrain tahun depan.

Kejayaan Grand Prix Petronas sudah pasti akan lebih berseri jika pelumba-pelumba negara turut sama menyertainya dan tidaklah hanya semata-mata hebat sebagai penganjur. Selepas anak Malaysia, Alex Yoong menempah nama di F1 sedikit masa dulu, kita kini berharap akan muncul pelumba-pelumba baru seperti Rizal Tan Sri Ramli yang sedang berlumba di Jerman dan Eropah dan sedang menunggu untuk mendapatkan tajaan.

Tidak dinafikan nama Malaysia akan terus harum di persada antarabangsa, seperti kata Dr Mahathir jutaan penonton turut berada di depan televisyen kerana menyaksikan pelumba bersaing dan sekali gus menjadikan negara kita dikenali di seluruh dunia.

Saya sendiri menimba pengalaman baru ketika menyaksikan Grand Prix Petronas 2003 kerana ini adalah kali pertama saya hadir dan moodnya amat berbeza dengan pertandingan bola sepak yang pernah saya saksikan sama ada di Piala Dunia, liga Eropah mahupun di Liga Perdana Inggeris.

Mendengar deruman enjin kereta di petak permulaan dan seterusnya menunggu tamat 56 pusingan yang penuh dramatik dengan kemalangan yang di luar jangkaan amat menyeronokkan hinggakan ada di antara yang hadir tertanya-tanya siapa yang menang?

Saya bersama-sama Ketua Pengarang Utusan Datuk Khalid Mohd dan Penolong Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mior Kamarulbaid Mior Shahid cuma tersenyum simpul dalam pertemuan yang singkat itu.